

20/09/1999

Rakyat mula rasai pemulihan

KUALA LUMPUR, Ahad - Rakyat peringkat bawahan kini sudah merasai pemulihan ekonomi hasil daripada dasar kawalan modal yang terbukti berjaya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan rakyat negara ini termasuk pekerja sektor swasta kini berasa lega dan sanggup berbelanja lebih kerana yakin terhadap masa depan ekonomi negara.

Malah, katanya, tahap pemulihan itu lebih cepat daripada jangkaan awal dengan beberapa syarikat gergasi tempatan mula menunjukkan prestasi keuntungan memberangsangkan.

"Kalau kita pergi ke KLCC (pusat beli-belah di Menara Kembar Petronas) umpamanya, kita tengok jumlah bilangan yang datang lebih ramai. Mereka kelihatan gembira membeli-belah.

"Saya rasa mereka sudah merasai kesan pemulihan ekonomi. Kedua (petunjuk pemulihan), jualan kereta dan motosikal meningkat kerana mereka mempunyai wang sekarang. Mereka tahu mereka boleh berbelanja kerana ada wang," katanya selepas merasmikan Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) serta Hari Keluarga Perkhidmatan Awam di Bukit Kiara, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir memberi contoh iaitu Malayan Banking Bhd (Maybank) dan Kumpulan Sime Darby yang baru-baru ini mencatat keuntungan masing-masing RM1 bilion, selain Kumpulan Arab-Malaysian dengan keuntungan RM250 juta.

Katanya, pemulihan itu jelas lebih cepat daripada jangkaan dan ia amat baik bagi kerajaan untuk mengutip cukai korporat daripada pihak swasta dalam usaha memesatkan lagi pembangunan negara.

"Apabila syarikat membuat keuntungan, ini bermakna pekerja mereka tidak berasa terancam. Kalau syarikat rugi, pekerja selalu rasa bahawa mereka mungkin dikorbankan (dibuang). Anda boleh tengok...malah pemulihan menurut beberapa peniaga lebih cepat daripada yang mereka fikirkan," katanya.

Perdana Menteri turut diminta mengulas kenyataan pakatan empat parti pembangkang iaitu Pas, DAP, PRM dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) akan menghapuskan dasar kawalan modal jika memenangi pilihan raya kerana kononnya dasar itu menghalang kemasukan pelaburan asing.

Dr Mahathir berkata, beliau rasa pihak pembangkang sendiri tidak tahu apa yang mereka katakan.

Katanya, sebelum ini ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim memegang jawatan Menteri Kewangan, dia mengikut arahan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) sehingga menyebabkan ekonomi negara terjebak dalam kemelesetan.

Contohnya, kata Perdana Menteri, 21 peratus perbelanjaan kerajaan dihentikan menyebabkan tiada wang untuk pembangunan dan akhirnya membantutkan perniagaan dan sektor pembinaan seperti kontrak serta ketiadaan bekalan bahan binaan.

"Ini menyebabkan ekonomi menguncup..kerana ikut arahan IMF yang menasihatkan supaya kredit dikekang, kadar faedah dinaikkan, tempoh pengkelasan pinjaman tidak berbayar (NPL) dipendekkan...semua ini menyebabkan ekonomi kita menguncup begitu cepat.

"Kalau nak tarik balik kawalan modal, maka negara ini akan terjejas teruk. Dia (Anwar) masih nak ikut IMF. Dia tak tahu apa pun. Masalah dengan dia ialah dia tidak tahu apa mengenai ekonomi atau kewangan. Oleh sebab itu, dia tak tahu menangani krisis ekonomi.

"Selain itu, dia selalu suka tunduk kepada orang untuk mendapat sokongan daripada orang asing. Dia rela untuk menyerah negara ini pun. Yang utama untuk mendapat pujian dari seberang laut, sokongan dari luar negara supaya

pemimpin Komanwel kata, dia adalah Menteri Kewangan terbaik...rosak habis ekonomi kita fasal kita mempunyai Menteri Kewangan yang terlalu bagus," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apa saja dilakukan kerajaan dianggap tidak betul oleh pembangkang.

Beliau berkata, pihak pembangkang tiada idea apa yang harus dilakukan kerana strategi mereka cuma untuk menyemai perasaan benci rakyat kepada kerajaan.

"Strateginya ialah bencilah kepada kerajaan dan undilah saya. Bila undi dia (pembangkang), apa dia nak buat..tidak ada program. Mereka boleh cakap apa saja kerana mereka tahu mereka tidak akan menang," katanya.

(END)